

**RENCANA UTAMA**



SETIAP pelajar akan menghadapi beberapa peperiksaan besar dalam hidupnya. - Gambar hiasan

SETIAP pelajar mempunyai kemampuan diri yang berbeza dalam akademik. - Gambar hiasan

# Kejayaan bukan hanya pada akademik

Masyarakat seharusnya sedar bahawa kecemerlangan seseorang pelajar bukan hanya berdasarkan kepada pencapaian akademik semata-mata.

"SAYA sedikit kecewa kerana keputusan peperiksaan yang diperoleh tidak seperti yang diharapkan. "Walau bagaimanapun saya tetap berpuas hati dengan keputusan ini kerana telah mencuba sehabis baik," ujar Aliff Zahidi Azmi, 15. Aliff Zahidi merupakan antara calon yang baru sahaja menerima keputusan ujian Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) yang diumumkan baru-baru ini. Jelasnya, dia sedikit terkilan kerana tidak dapat menghadihkan keputusan yang cemerlang buat kedua ibu bapanya. "Saya hanya memperoleh 3A sahaja untuk PT3 ini. Namun, saya bersyukur kerana kedua ibu bapa saya memahami dan mereka berpuas hati dengan keputusan ini. "Mereka tidak meletakkan harapan yang terlalu tinggi kerana saya telah belajar bersungguh-sungguh," jelas Aliff Zahidi, berdepan dengan peperiksaan sebesar ini bukan sesuatu yang mudah, terutamanya untuk mendapatkan keputusan keseluruhan A dalam semua mata pelajaran. Seperti Aliff Zahidi, tiada apa yang paling mendebarkan bagi pelajar lain selain menanti saat keputusan peperiksaan diumumkan. Bagi mereka yang telah

berusaha bersungguh-sungguh, mungkin sudah boleh menduga hasil kerja keras selama ini. Namun, adakalanya nasib tidak menyebelahi apabila keputusan yang diperoleh tidak seperti yang diharapkan. Justeru, tidak hairanlah apabila kita pernah mendengar kes-kes pelajar yang sanggup membunuh diri kerana kecewa dengan keputusan peperiksaan mereka, walaupun hakikatnya ia tidaklah begitu teruk. Pada tahun 2007 seorang pelajar perempuan di Pulau Pinang dijumpai mati tergantung pada jeriji tingkap di bilik tidurnya.

**Bunuh diri**  
Pelajar yang berusia 12 tahun itu menggantung diri kerana merasakan dirinya seorang yang gagal. Dia dilaporkan telah berjanji kepada keluarganya untuk mendapatkan sekurang-kurangnya empat A bagi peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), namun keputusan yang diumumkan itu tidak seperti yang diharapkannya. Pelajar tersebut dikatakan murung kerana tidak mendapat keputusan seperti yang diharapkan sebelum mengambil keputusan menggantung diri. Dalam pada itu, pada tahun lalu, seorang pelajar tingkatan 5 ditemui dalam keadaan tergantung di lehernya dengan



KERATAN Kosmo! 6 Januari 2017.

menggunakan tali leher, di dalam biliknya di sebuah pangsapuri di Taman Jinjang, Kuala Lumpur. Pelajar tersebut dikatakan menggantung diri akibat kecewa tidak dapat menjawab soalan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). **Pensyarah Kanan Pusat Penyelidikan Psikologi & Kesejahteraan Manusia Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Norulhuda Sarnon@Kusenin** berkata, budaya menasarkkan pencapaian keputusan terbaik oleh pihak sekolah dan harapan ibu bapa terhadap kejayaan anak-anak dalam peperiksaan telah meletakkan satu bebanan peranan kepada kanak-kanak. Menurutnya, kebanyakan ibu bapa tahu bahawa kejayaan bukanlah hanya diukur dari sudut akademik

semata-mata. "Namun hakikatnya ibu bapa tiada pilihan, mereka juga tidak mahu anak-anak tertinggal jauh berbanding anak-anak orang lain. "Kebimbangan tentang masa depan anak-anak lebih dikhuatiri kerana dunia dilihat asyik menilai keputusan akademik sedangkan mereka terlupa bahawa anak-anak baru berusia 12 tahun, terutamanya bagi pelajar yang mengambil UPSR," katanya. Hakikatnya, masyarakat sebenarnya masih menilai kejayaan kanak-kanak dengan pencapaian akademik. Masyarakat yang dimaksudkan bukan hanya ibu bapa tetapi termasuk guru-guru, pembuat silibus atau modul mata pelajaran di sekolah, pihak pentadbiran di semua peringkat, malahan semua orang dewasa.



NORULHUDA